



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

LAFAZ SALAM: Di Luar Dan Di Dalam Sembahyang

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Salam di luar sembahyang ialah ucapan penghormatan yang diucapkan sesama orang-orang Islam. Hukum mengucapkan salam itu adalah sunat *mu'akkadah*. Ia merupakan sunnah Nabi kita *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan amalan para *as-salaf ash-shaleh* yang sangat-sangat digalakkan, sebagaimana hadits daripada 'Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash *Radhiallahu 'anhuma*, beliau berkata:

:

:

()

Maksudnya: *“Bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: “Apakah pekerti Islam yang terbaik?”*

Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: “Engkau memberi makan dan memberi salam kepada orang yang kau kenal dan yang tidak kau kenal.”

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadits ini merupakan suatu anjuran supaya mengucapkan salam kepada siapa saja yang ditemui, tidak terbatas kepada orang Islam yang dikenali malah juga yang tidak dikenali.

Adapun menjawab salam yang diucapkan oleh saudara Islam itu pula adalah wajib. Ini jelas berdasarkan firman Allah *Ta'ala*:

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

(86:)

Tafsirnya: “Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.”

(Surah an-Nisaa: 86)

Sementara salam dalam sembahyang pula ialah ucapan salam yang merupakan rukun *qauli* (bacaan) yang wajib dilafazkan sebagai penutup bagi ibadah sembahyang.

Apakah ia lafaz-lafaz salam di luar sembahyang itu? Bagaimanakah lafaz salam yang sebaik-baiknya untuk diucapkan apabila bertemu dengan seseorang dan bagaimanakah pula orang yang diucapkan salam itu menjawabnya? Bagaimanakah lafaz salam yang dituntut dalam sembahyang itu?

Lafaz Salam Di Luar Sembahyang

(1) Lafaz salam apabila bertemu seseorang dan lafaz menjawabnya

Lafaz memberi salam

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan bahawa lafaz salam yang afdhal dan sempurna ialah dengan mengatakan:

Kemudian datang lagi seorang yang lain seraya mengucapkan: “ _____”, lalu Baginda menjawabnya. Kemudian orang tersebut duduk lalu Baginda pun bersabda: “(Baginya) dua puluh hasanah (kebaikan). Kemudian datang pula seorang yang lain, lalu dia mengucapkan: “ _____”, Baginda pun menjawabnya, lalu orang tersebut duduk. Baginda bersabda: “(Baginya) tiga puluh hasanah (kebaikan).”

(Hadits riwayat Abu Daud)

Mengucapkan salam dengan lafaz: “*Assalamu‘alaikum*” (_____) sudah dikira memadai. Demikian juga jika diucapkan dengan lafaz: “*Assalamu‘alaika*” (_____) atau “*salamun ‘alaika*” (_____), maka itu juga memadai dan dikira memberi salam.

Lafaz menjawab salam

Bagi orang yang menjawab salam, cara yang afdhal menjawabnya ialah dengan mengucapkan: “ _____”, dengan tambahan huruf (_____) pada perkataan “ _____” yang bererti (dan atas kamu juga).

Adapun cara menjawab salam yang sekurang-kurangnya ialah dengan mengucapkan: “*Wa‘alaikassalam*” (_____) atau “*wa‘alaikumussalam*” (_____). Jika diucapkan atau dijawab (_____) tanpa menyebut “*Wa*” iaitu huruf (_____), maka itu pun sudah mencukupi atau memadai sebagai jawapan salam.

Abu Yahya Zakaria al-Anshari *Rahimahullah* menjelaskan bahawa mengucap dan menjawab salam dengan perkataan “ _____” itu dalam bentuk _____ (dibubuh huruf alif dan lam)

menjadi “ ” dan “ ” adalah afdhal daripada mengucapkannya dalam bentuk (tidak ada huruf alif dan lam), iaitu “ ” dan “ ”. Namun begitu, ia tetap juga memadai sebagai ucapan dan jawapan salam yang diniatkan.

bersambung